









[Sports](#)

FTKEE muncul juara Sukan Antara Fakulti UMPSA (SukFAC) 2024

6 December 2024

GAMBANG, 24 November 2024 - Fakulti Kejuruteraan Teknologi Elektrik dan Elektronik (FTKEE), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) mencipta sejarah tersendiri apabila buat

pertama kalinya muncul johan keseluruhan Sukan Antara Fakulti (SukFAC) 2024.

FTKKE berjaya memenangi empat pingat emas menerusi acara Catur Berpasukan Lelaki, Tenpin Boling Berpasukan Lelaki, Boling Padang Berpasukan Lelaki dan Bola Tampar Wanita.

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan oleh Dekan FTKKE, Profesor Ts. Dr. Hamdan Daniyal.

Turut hadir Pengarah Pusat Pembangunan Alumni, Ts. Dr. Azri Alias, Pegawai Belia dan Sukan Kanan, Nur Adam Maximillian, Pegawai Belia dan Sukan, Eizat Mokhtar serta Pengarah Program SukFAC 2024, Siti Norfarazaidah Mulpi.

Manakala Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif (FTKMA) pula berjaya membawa pulang dua anugerah khas SukFAC 2024 apabila memenangi Anugerah Perbarisan Majlis Perasmian Terbaik dan Ultras Terbaik.

SukFAC kali ke-14 ini mempertandingkan sebanyak 13 acara dan dibahagikan kepada dua fasa iaitu Fasa 1 melibatkan acara Boling Padang, Petanque, Tenpin Boling, Bola Tampar, Bola Keranjang, Ragbi 10's, Sepak Takraw, Badminton dan Catur yang dijalankan pada 16 dan 17 November lalu di kedua-dua kampus UMPSA Pekan dan Gambang.

Manakala bagi acara Bola Baling, Bola Sepak 7's, Ping Pong dan Bola Jaring melengkapkan keseluruhan SukFAC ini pada 23 dan 24 November 2024 di Kompleks Sukan UMPSA Kampus Gambang.

Tahniah diucapkan kepada semua pemenang SukFAC 2024.

Disediakan Oleh: Mohd Farid Md Ali, Pusat Sukan UMPSA

TAGS / KEYWORDS

[Sukan Antara Fakulti UMPSA 2024](#)

• 129 views

[View PDF](#)